

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 13 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

1,000 sertai Program Hari Tanpa Kenderaan 2017 MBSA

SHAH ALAM - Lebih 1,000 penduduk Shah Alam menyertai Program Hari Tanpa Kenderaan 2017 kali ke-2 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Dataran Kemerdekaan, semalam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, program tersebut bermatlamat menjadikan Shah Alam ke arah Bandar Raya Rendah Karbon menjelang 2030.

"Selain melahirkan warga Shah Alam yang amalkan gaya hidup sihat, program ini juga bermatlamat mengurangkan penggunaan kendaraan yang melepaskan gas karbon monoksida dan mencemar alam sekitar."

"Sepanjang program ini, orang ramai hanya dibenarkan menggunakan basikal, roller blade, papan luncur, hover board, berjalan kaki, dan skuter blade di sekitar kawasan pusat bandar raya," katanya.

Menurutnya, program yang diadakan setiap Ahad, minggu kedua setiap bulan itu turut menyediakan jualan makanan dan pameran sebagai tarikan.

"Pengunjung berpeluang membeli makanan di food truck, meninjau pameran dan jualan hasil seni, produk hijau (Green Eco Product), baja kompos dan sayur-sayuran."



Ahmad Zaharin (dua, kanan) ketika melancarkan Majlis Pelepasan Hari Tanpa Kenderaan 2017 kali ke-2, semalam.

"Bagi menarik penyertaan orang ramai, MBSA turut menyediakan sewaan peralatan basikal dan roller blade,"

katanya yang turut melancarkan Majlis Pelepasan Hari Tanpa Kenderaan 2017 Kali Ke-2.